



SIARAN MEDIA

PERMUKIMAN KOMUNITI MADANI SEMENANJUNG PERKASA KEFAHAMAN DASAR, INISIATIF, HALA TUJU DAN STRATEGI KERAJAAN

AYER KEROH, 26 Julai 2025 – Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil menyantuni lebih 2,300 orang ahli Komuniti MADANI seluruh semenanjung dalam Program Permukiman Komuniti MADANI Semenanjung bertempat di Mini Stadium Bistari hari ini.

Program anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) ini disertai oleh 1,407 Komuniti MADANI seluruh Semenanjung Malaysia serta enam Komuniti MADANI Wilayah Persekutuan Labuan yang diundang khas.

Permukiman ini diadakan bertujuan memperkasa kefahaman terhadap dasar, inisiatif, hala tuju dan strategi kerajaan kepada Komuniti MADANI. Peserta permukiman didedahkan tentang isu-isu semasa, penggunaan Internet secara bijak dan selamat serta komunikasi strategik yang berkesan. Antara panel yang dijemput ialah Duta Anti-Scam Polis Diraja Malaysia (PDRM), ASP (B) Rahmat Fitri bin Abdullah dan personaliti TV, Ally Iskandar Mohd Mardzi.

Selain itu, para peserta juga berpeluang menghadiri Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025 yang akan berlangsung pada 27 Julai 2025 (Ahad) di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.

Hadir sama, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Komunikasi, Encik Mazlan bin Abd Mutalib; Ketua Pengarah JAPEN, Puan Julina binti Johan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan dan negeri.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Media dan Publisiti

Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025

Lampiran

AGIHAN PESERTA KOMUNITI MADANI MENGIKUT NEGERI

BIL.	NEGERI	JUMLAH KOMUNITI MADANI	JUMLAH PESERTA
1.	Perlis	45	120
2.	Kedah	108	150
3.	Pulau Pinang	120	180
4.	Perak	177	200
5.	Selangor	168	200
6.	Negeri Sembilan	108	250
7.	Melaka	84	250
8.	Johor	168	250
9.	Pahang	126	200
10.	Terengganu	96	150
11.	Kelantan	135	200
12.	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	72	150
13.	WP Labuan	6	6
Jumlah		1,413	2,306